

NO. SOALAN: 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING
[SERDANG]**

TARIKH : 15 JUN 2015

RUJUKAN : 7962

SOALAN:

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada ia sedang menyiasat laporan akhbar media Nepal yang menyatakan bahawa pekerja Nepal telah didera oleh pegawai imigresen di pusat-pusat tahanan di Malaysia dan sama ada kegagalan untuk menyiasat laporan sebegini akan menjejaskan imej Malaysia di kalangan orang Nepal.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan siasatan yang dilakukan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia ke atas laporan tersebut, didapati perkara-perkara yang dinyatakan tidak berlaku dan pegawai-pegawai di Pusat-pusat Tahanan telah bertugas mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan. Oleh itu, Jabatan Imigresen Malaysia mendapati perkara-perkara tersebut adalah tidak berasas dan menafikan tuduhan laporan akhbar tersebut.